



KERTAS CADANGAN

PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (QE/5S)

Disediakan untuk :

**FGV PALM INDUSTRIES SDN BHD
KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI
PETI SURAT NO. 30, 91150 POS CENDERAWASIH
LAHAD DATU, SABAH**

Disediakan oleh :

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Tingkat 2, Menara MAA
No. 6, Lorong Api-Api 1
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 6088 – 233 245/235 837
Fax: 6088 – 242 815

1 Mac 2022

1.0 PENGENALAN

Kertas cadangan ini disediakan untuk memenuhi keperluan pihak **KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI** bagi **Program Pembangunan Sistem Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)**.

Amalan QE adalah satu konsep yang mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematil dan praktikal. QE merupakan perkataan dari Bahasa Jepun iaitu SEIRI, SEITON, SEISO, SEIKETSU dan SHITSUKE yang membawa maksud tersendiri tetapi sangat berkaitan dengan sistem penjagaan kebersihan dan kekemasan di persekitaran kita. Amalan ini menuntut sistem *housekeeping* untuk mewujudkan suasana dan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan produktif. Ini seterusnya akan dapat membentuk budaya kerja yang mementingkan kebersihan, kesihatan dan keselamatan. Hasilnya kualiti dan produktiviti pekerja akan meningkat di samping nilai-nilai murni juga akan menjadi amalan berterusan. Justeru, QE/5S adalah Asas Kepada Peningkatan Produktiviti dan Kualiti dan seterusnya menjadikan tempat kerja lebih efisien dan produktif menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

2.0 OBJEKTIF, SKOP DAN FAEDAH PELAKSANAAN AMALAN QE/5S

2.1 Lokasi khidmat pelaksanaan adalah seperti yang telah dicadangkan iaitu di **KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI**.

Antara faedah-faedah dan objektif program pembangunan sistem ini ialah:

2.2 Bagi meningkatkan kecemerlangan budaya kerja organisasi dengan penerapan sistem QE/5S melalui disiplin diri yang tinggi.

2.3 Bagi meningkatkan imej dan sentiasa menjaga kualiti persekitaran kerja yang akan memberi gambaran positif kepada pelanggan yang datang untuk sesuatu perkhidmatan.

2.4 Bagi meningkatkan tahap kerja berpasukan dan budaya penambahbaikan secara berterusan di dalam mencapai visi dan misi organisasi serta meningkatkan produktiviti dan kualiti warga kerja.

2.5 Bagi memberi kesedaran kepada warga kerja bahawa budaya kerja yang cemerlang dapat dicapai dengan komitmen yang berterusan dan konsep “pemilikan”: (*ownership*) oleh semua warga kerja dalam meningkatkan tahap kecemerlangan sesuatu kerja bersesuaian dengan keadaan masa.

3.0 METODOLOGI PELAKSANAAN AMALAN QE/5S

3.1 Pelaksanaan Amalan QE/5S melalui khidmat perundingan MPC akan terlibat sepenuhnya dalam proses pelaksanaan selama tempoh yang ditetapkan iaitu dua (2) bulan sehingga kesediaan pelanggan untuk dipersijilkan.

3.1.1 Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang Efektif (2 hari)

Peserta akan didedahkan dengan kaedah dan cara pelaksanaan QE/5S di organisasi dan melatih warga organisasi sebagai fasilitator dalam pelaksanaan projek.

3.1.2 Kursus Audit Dalaman 5S (2 hari)

Peserta juga dapat mengetahui aspek audit seperti dokumentasi dan praktikal, merancang bentuk penghargaan dan pengiktirafan dan mempunyai keyakinan menjadi juruaudit dalaman.

3.1.3 Lawatan Perundingan (2 hari)

Merupakan lawatan tetap perunding untuk berbincang dan memberi maklumbalas kepada pihak Kilang Sawit Lancang Kemudi, Lahad Datu, dimana ini adalah pemantauan berterusan agar pelaksanaan projek dapat dicapai.

3.1.4 Pra Audit dan Audit Persijilan QE/5S

Pra Audit merupakan lawatan perundingan dan persediaan terakhir sebelum audit pensijilan dijalankan.

4.0 JADUAL AKTIVITI PROJEK

4.1 Tempoh projek ialah DUA (2) bulan merangkumi kursus-kursus, siri lawatan perundingan dan penilaian (Pra-Audit dan Audit Pensijilan). (Sila rujuk Lampiran Cadangan Pelaksanaan Projek).

5.0 PESERTA

5.1 Peserta projek adalah semua warga kerja KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI, LAHAD DATU bermula daripada pihak pengurusan atasan sehinggalah pelaksana dan pekerja.

6.0 PASUKAN PERUNDING

6.1 Pelaksanaan projek ini akan dikendalikan oleh kumpulan perunding MPC yang berpengalaman dan *associates partner* (sekiranya perlu).

7.0 KERAHSIAAN MAKLUMAT SULIT

7.1 Segala maklumat yang diterima daripada KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI, LAHAD DATU akan dianggap maklumat sulit.

8.0 PERSIJILAN DAN PENGIKTIRAFAN

8.1 Sijil kehadiran kepada peserta kursus yang menghadiri sesi latihan serta Persijilan 5S akan dianugerahkan kepada organisasi setelah memenuhi kriteria Audit Pensijilan 5S.

9.0 YURAN

9.1 Berikut adalah perincian maklumat bagi pembayaran yuran khidmat perundingan.

9.2 Pembayaran hendaklah dibuat melalui cek berpalang dibayar kepada **"PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)"** atau didebitkan ke dalam akaun Maybank Islamic nombor akaun **5600 1812 5303**. Bayaran ini meliputi kos pengangkutan perunding, tempat tinggal perunding, nota kursus dan sijil kursus. Walaubagaimanapun, jumlah bayaran ini tidak termasuk kos penyediaan makan minum peserta kursus, sewa tempat latihan dan kemudahan lain (jika ada) dan kos sampingan.

Inbois tuntutan bayaran akan dikemukakan selepas setiap fasa siap dilaksanakan seperti butiran berikut:

BIL 1	KURSUS 1: Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang Efektif	RM 5,000.00	RM 5,000.00
BIL 2	KURSUS 2: Audit Dalam 5S	RM 5,000.00	RM 10,000.00
	Lawatan Perundingan	RM 2,500.00 x 2 lawatan	
BIL 3	Pra Audit	RM 2,000.00	RM 2,000.00
	Audit Penuh	RM 1,500.00	RM 1,500.00
JUMLAH KESELURUHAN			RM 18,500.00

10.0 PERTANYAAN DAN PERBINCANGAN LANJUT SILA HUBUNGI :

- Puan Ingrid Ng Edy - Pengurus (ingrid@mpc.gov.my, 016-848 3888)
- Cik Nurfariha Binti Ahmad - Penolong Pengurus (Nurfariha@mpc.gov.my, 01165518008)

Malaysia Productivity Corporation

Level 2, MAA Tower

No. 6, Lorong Api-Api 1

88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088 – 233 245/235 837

Fax: 088 – 242 815

11.0 TERMA DAN SYARAT

11.1 Segala jangkaan, pandangan dan tempoh pelaksanaan projek serta laporan dan surat menyurat (sekiranya Kertas Cadangan diterima) dilakukan dengan niat yang baik pada masa sekarang. Pencapaian untuk memastikan kejayaan projek ini sangat bergantung kepada komitmen semua pihak terutama daripada pihak pengurusan. Untuk itu, diharapkan tiada laporan atau surat yang boleh dianggap sebagai satu dokumen yang mewakili syarat kontrak bagi pihak perunding dan tidak dianggap sebagai pelanggaran kontrak.

12.0 TEMPOH SAH LAKU KERTAS CADANGAN

Tempoh sah laku kertas cadangan adalah tidak melebihi 60 hari dari tarikh kertas cadangan dikeluarkan merujuk kepada muka surat hadapan kertas cadangan.

SURAT PERSETUJUAN
(PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA)

FGV PALM INDUSTRIES SDN BHD KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI bersetuju menerima tawaran perkhidmatan yang dibuat oleh Pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi melaksanakan “**Program Pembangunan Sistem Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)**” dengan yuran sebanyak **RM 18,500.00 (Ringgit Malaysia LAPAN BELAS RIBU LIMA RATUS RINGGIT SAHAJA)**, tertakluk kepada terma dan syarat yang telah dinyatakan.

Bagi Perbadanan Produktiviti Malaysia,

Fariha

(NURFARIHA AHMAD)

Penolong Pengurus

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Diterima oleh:

.....

FGV PALM INDUSTRIES SDN BHD
KILANG SAWIT LANCANG KEMUDI

Cop Organisasi:

Tarikh:

***Surat Persetujuan akan ditandatangani pada 4 Mac 2022 semasa kunjungan pelanggan ke MPC**

CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN

Berikut merupakan cadangan pelaksanaan program yang terbahagi kepada 3 fasa pelaksanaan.

FASA	AKTIVITI	MANDAYS	BULAN DALAM TAHUN 2022							
			MAC				APRIL			
1	KURSUS 1: "Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang Efektif"	2								
	KURSUS 2: " Audit Dalaman 5S"	2								
2	Perundingan dan Lawatan (1 dan 2) - Kriteria Audit Dalaman - Penulisan dan Persembahan Laporan	1								
	Pra Audit 5S: Persediaan terakhir	1								
3	Audit Penuh	1								